

25 JAN 2002

Mahathir-Akujanji

BAGI PAS SEMUA TINDAKAN KERAJAAN BERMOTIFKAN POLITIK, KATA DR M

MELAKA, 25 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata PAS sememangnya menganggap apa yang dilakukan oleh kerajaan Barisan Nasional (BN) semuanya bermotifkan politik.

"Bagi PAS semuanya politik, dia sembahyang pun kerana politik, dia puasa pun kerana politik...dia pergi sembahyang tengah padang buat apa, hendak tunjuk kat oranglah," katanya pada sidang media selepas merasmikan Sambutan Hari Kastam Sedunia kali ke-20 di Akademi Kastam, Bukit Baru, di sini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan kerajaan PAS Terengganu yang menyifatkan tindakan kerajaan pusat mewajibkan semua kakitangan awam menandatangani surat Akujanji sebagai bermotifkan politik.

"Itu politiklah, itu bukan sembahyang betul, tak sah. Pasal niat tu tak betul, tak sah. Bila kita sembahyang kita kena niat betul, dia (PAS) semua politik," katanya.

Akhbar semalam memetik Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Ekonomi, Petroleum, Perindustrian dan Sumber Manusia Terengganu Datuk Mustafa Ali sebagai berkata kerana itu Kerajaan Negeri tidak akan mengikut langkah kerajaan pusat meminta kakitangannya menandatangani Akujanji itu tambahan pula kakitangan awam terikat dengan Perintah Am.

Bagaimana pun, kata Perdana Menteri, kerajaan gembira semua kakitangan Kerajaan Persekutuan menyokong pelaksanaan Akujanji itu.

"Tidak ada yang bantah untuk tandatangan Akujanji. Malah kesatuan sekerja pun sokong dan tandatangan Akujanji awal-awal lagi.

"Akujanji tiada niat buruk, dengan menandatangani pegawai dan kakitangan kerajaan tidak akan terlibat dengan perbuatan yang tidak diinginkan," katanya.

Sementara itu mengulas cadangan Naib Presiden Indonesia Hamzah Haz untuk menemuinya bagi membincangkan isu tenaga kerja dari republik itu, Dr Mahathir berkata ramai pekerja Indonesia yang datang ke sini dengan mencero boh.

"Kita tak perlu lagi (pekerja Indonesia), kita sudah cukup pekerja, bahkan lebih daripada cukup, yang datang ke sini mencero boh. Semalam lebih 99 orang masuk ke sini nak cari kerja," katanya.

Kemungkinan kerajaan melakukan pemutihan semula terhadap pendatang tanpa izin, kata beliau: "Dulu ada pemutihan, tapi itu tak selesai masalah. Mereka percaya mereka datang, dia dekat saja seberang Selat Melaka."

Beliau berkata kerajaan akan mengadakan operasi besar-besaran membanteras kedatangan pendatang tanpa izin ini dan mereka yang tidak mempunyai permit kerja akan dihantar balik secara berperingkat-peringkat.

-- BERNAMA

SBS APG PR